

## Abstract

This study focuses on the use of the Tamil language and stylistic devices adopted by Re. Karthigesu, one of the best known Tamil creative writers in Malaysia. The four novels selected for the study are : *va:nattu ve:lihaL* (1981), *te:Tiyirukkum taruNangaL* (1993), *aṅtima ka:lam* (1998) and *su:ta:TTam a:Tum ka:lam* (2005). These novels are written on social themes which center around the Tamil communities living in Malaysia. Re. Karthigesu's novels are selected for this study because he has extensively discussed the social networks prevalent in Malaysia and also used variations in language use with reference to the sociolinguistic environments they are in.

This study also emphasises the use of sentences and rhetoric which are unique and can be called as the representative style of the author. The data for the study was taken from the above mentioned four novels. The researcher has constructed a suitable theoretical framework by incorporating and modifying the existing theoretical models in stylistics in consultation with the supervisors to analyse the data.

This study examines the language use of the author from three perspectives : (i) linguistic description of style (ii) sociolinguistic aspects (iii) the use of rhetoric. These three parameters are used to analyse the stylistic devices used by Re. Karthigesu. The theoretical framework of speech act as well as the cooperative principles of pragmatics are employed to show the utterances used to convey the themes and messages with suitable examples from the novels.

At the linguistic level, the study discusses the language reflected in narrations, soliloquy and the style of description of the author. Morphological and phonological reductions, syntactic features and different kinds of lexical usages are also discussed with relevant examples drawn from the novels. Besides that, from the sociolinguistic point of view, six speech events containing various speech acts are discussed. In addition to that, thought acts, non-verbal communication and communication through letters are also analysed. The use of rhetoric also forms an important aspect of the discussion.

The language used by Re. Karthigesu envisages the use of common linguistic features found among the Tamil middle class families in their regular interactions. The author has properly disseminated the relationship between the theme and messages through his style of language. Often the author has used a set of loan words from English which are normally used by people in their day-to-day communications. The author has also adopted appropriate quotations from ancient Tamil ethical literature and devotional verses to substantiate his narrations.

There are active and passive discourses in Re.Karthigesu's novels: these form some of the significant stylistic devices used by the author to create the setting of narration to be more realistic and natural. The two varieties of Tamil (spoken and written Tamil) are well utilized by the author in all the four novels. In conversational settings the cooperative and turn-taking principles are followed as highlighted by Searle (1969). It is identified that Tamilisation of English words and loan blends are extensively used in narrations. Also, in order to enhance the description of the character's emotions the author has used reduplicative and repetitive forms.

This study was able to identify and highlight the unique style of Re. Karthigesu. Based on the findings from this study some recommendations are given in the final chapter for further investigations by other scholars who have interest in stylistics in order to investigate the areas which are not within the purview of this study.

## Abstrak

Kajian ini memfokuskan pada penggunaan bahasa Tamil dan alat-alat *stilistik* yang dicerapkan oleh Re. Karthigesu dalam empat novel beliau, iaitu : *va:nattu ve:lihaL (1981)*, *te:Tiyirukkum taruNangaL (1993)*, *antima ka:lam (1998)* dan *su:ta:TTam a:Tum ka:lam (2005)*. Beliau adalah seorang penulis kreatif Tamil yang terkenal di Malaysia. Tema novel-novelnya memusatkan pada masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh kaum India (Tamil) yang bermastautin di Malaysia. Novel-novel Re. Karthigesu dipilih untuk kajian ini kerana beliau telah menerapkan masalah-masalah sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat India di Malaysia dan juga telah menggunakan variasi bahasa yang sesuai mengikut persekitaran sosiolinguistik.

Kajian ini juga telah meninjau penggunaan jenis-jenis ayat serta metafora yang memperlihatkan stail keunikan pengarang. Data untuk kajian ini dikumpul daripada empat novel yang tersebut di atas. Pengkaji telah menghasilkan suatu kerangka teoritis dengan mengabungkan dan memodifikasikan beberapa model *stilistik* yang sedia ada dengan bimbingan penyelia untuk menganalisis data terkumpul.

Kajian ini mengkaji penggunaan bahasa Re. Karthigesu dari tiga perspektif : (i) gaya deskripsi dari segi linguistik (ii) gaya dari segi sosiolinguistik dan (iii) gaya penggunaan retorik. Alat-alat *stilistik* yang digunakan oleh Re.Karthigesu telah dianalisis berdasarkan tiga *parameter* tersebut di atas. Dalam Kerangka teoritis Kajian Kelakuan Bahasa dan prinsip-prinsip koperatif telah digunakan untuk menganalisis ujaran-ujaran yang digunakan oleh pengarang untuk menyampaikan tema dan mesejnya.

Pada peringkat linguistik, kajian ini membincangkan gaya bahasa pengarang dalam penceritaan (narration), *soliloquy* dan pemerian. Pengurangan morfem dan fonem, ciri-ciri sintaksis serta variasi dalam penggunaan leksis turut dibincang dengan contoh-contoh daripada novel-novel Re. Karthigesu. Di samping itu, enam kelakuan bahasa berdasarkan konteks yang berlainan dikaji dari sudut sosiolinguistik. Selanjutnya, *soliloquy*, komunikasi bukan verbal dan komunikasi melalui surat kiriman juga dianalisis. Dalam bab enam penggunaan retorik oleh pengarang dibincangkan .

Gaya bahasa Re. Karthigesu memperlihatkan penggunaan unsur-unsur linguistik yang lazim digunakan dalam interaksi antara ahli-ahli keluarga daripada golongan pertengahan. Boleh dikatakan pengarang telah berjaya menyampaikan tema dan mesejnya dengan gaya bahasa yang sesuai. Pengarang juga telah menggunakan beberapa kata pinjaman yang biasa digunakan dalam komunikasi harian. Untuk mengukuhkan jalan cerita Re. Karthigesu telah menyerapkan petikan-petikan daripada kesusasteraan etika dan lirik-lirik daripada kesusasteraan *bakti* Tamil.

Dalam novel Re. Karthigesu terdapat wacana aktif dan wacana pasif. Ini adalah salah satu alat *stilistik* penting yang digunakan oleh pengarang untuk mewujudkan supaya latar penceritaannya menjadi lebih benar dan realistik. Dua variasi bahasa Tamil (bahasa pertuturan dan bahasa tulisan) telah digunakan dengan berkesan dalam keempat-empat novel ini oleh pengarang. Dalam perbualan, prinsip-prinsip koperatif dan pengambilan giliran ( *turn-taking*) yang diperkenalkan oleh Searle (1989) telah diamalkan. Terdapat kata-kata pinjaman bahasa Inggeris yang ditransliterasikan dalam bahasa Tamil. Untuk menggambarkan emosi serta kelakuan watak dengan lebih jelas pengarang telah menggunakan bentuk penyalinan semula (*reduplicative*) dan pengulangan (*repetitive*) dalam penceritaannya.

Secara umumnya, boleh dikatakan kajian ini dapat mengenal pasti dan menyatakan gaya *stilistik* Re. Karthigesu. Berdasarkan dapatan-dapatan daripada kajian ini penyelidik telah menyarankan beberapa cadangan bagi pengkaji-pengkaji yang berminat dalam bidang *stilistik* untuk meninjau aspek-aspek yang tertinggal dalam kajian ini.